

Majalah Urban Nombor 1

# EH

OGOS 2014

www.eh.com.my

# ERRA FAZIRA

*‘Anugerah &  
Gelaran Itu  
Menakutkan’*

**KISAH BENAR**  
**BATAL MAJLIS  
TUNANG KERANA  
CEMBURU**

**MENANGI  
HADIAH  
BERNILAI  
RM22,000**

# Primadona 100+

IDEA FESYEN  
BINTANG FILEM

**BICARA BEST ACTRESS**  
**+ SOFIA JANE + VANIDAH**  
**IMRAN + SHARIFAH AMANI**  
**+ NADIYA NISAA**

**9 SURAT  
CINTA IKONIK  
DUNIA**

*Laporan Penuh Anugerah  
Star EH! 2014*

MALAYSIA RM7 SINGAPURA S\$3.50



9 771511 563001 08

# EH! berita fesyen

## KEMBARA JEEP



Jordone Corporation melancarkan Jeep® Spirit Apparel yang dicipta untuk menggalakkan penggayanya mengekspresikan stail kembara dalam gaya yang lebih selesa. Koleksi musim bunga ini disediakan untuk lelaki, wanita serta kanak-kanak dengan harga bermula RM39 hingga RM399. Menurut Encik J.K Chua, Pengarah Eksekutif syarikat ini, dia sangat teruja untuk melancarkan jenama yang telah diperkenalkan sejak 1941. Setiap helaian ini memberi simbol kebebasan dan kemampuan. Setiap koleksi ini boleh didapati di semua Outfitters Studio dan pusat beli-belah terkemuka. Anda juga boleh mengunjungi [www.facebook.com/JeepApparelMY](http://www.facebook.com/JeepApparelMY) untuk keterangan lanjut.

**COOL CARA LEVI'S** Dari *classic denim* dan *non-denim*, hingga ke seluar chinos dan beraneka baju, Levi's® Brand menawarkan pelbagai pilihan menarik untuk anda mencipta gaya tersendiri pada musim panas ini. Antaranya rangkaian 505 Regular Straight yang bergerak ringkas dalam gaya santai dengan jean *regular fit*, yakni potongan longgar bermula dari pinggang ke kaki seluar. Cuma padankan dengan kemeja cabana lengan pendek, anda siap untuk ke mana sahaja! Boleh didapati dalam pelbagai kemas seperti Throttle, Cash dan Graphite. Dapatkan sepasang jean ini hanya pada harga RM199. Selain itu terdapat beberapa rangkaian lain seperti 511 Slim Fit, Non-Denim dan Relaxed Chino.



## SENI HITAM PUTIH

Moschino merakam kempen iklan musim luruh dengan kesan artistik hitam dan putih. Iklan yang menampilkan Carolyn Murphy, Karen Elson, Raquel Zimmermann, Stella Tennant, Saskia de Brauw dan Linda Evangelista ini dirakam oleh Steven Meisel dengan menyarung gaun kembang dan gaun koktel inspirasi gaya *street* yang mewah.



## LANGKAH SELESA

Menjanjikan keselesaan kaki yang berpanjangan, Skechers menambah lagi rangkaian baru dengan kuasa kusenya ekstra. Perkenalkan Memory Foam menerusi rangkaian seperti Skechers EX Flex, Skechers Flex Appeal, Skechers Relaxed Fit direka dari jenis bersarung, sandal hingga kasut gaya feminin.